

AMALAN PENGEBUMIAN TAJAU DALAM KEBUDAYAAN MEGALITIK DI SABAH

(TAJAU BURIAL PRACTICE OF MEGALITHIC CULTURE IN SABAH)

Ratnah Wati Mohd Rapi & Peter Molijol

Abstrak

Tajau atau tempayan merupakan budaya material yang amat bernilai pada masyarakat dahulu terutama semasa kebudayaan Megalitik diamalkan. Ia digunakan bukan sahaja sebagai tempat menyimpan makanan dan barang hantaran dalam perkahwinan tetapi juga dalam upacara pengebumian. Bukti penggunaan tajau dalam upacara pengebumian semasa kebudayaan megalitik ini telah ditemui di Kampung Pogunon melalui ekspedisi penyelamatan pada tahun 2000, 2007 dan 2008 oleh Bahagian Arkeologi, Jabatan Muzium Sabah. Kepercayaan ini dikatakan diamalkan oleh suku kaum Kadazandusun di kampung tersebut di mana tajau ini telah dijadikan sebagai bekas untuk menyimpan mayat dan barang-barang kiriman si mati. Penggunaan tajau dalam pengebumian ini telah dihubungkan dengan kepercayaan bahawa tajau tersebut merupakan tempat tinggal dan keperluan bagi si mati di alam seterusnya. Upacara pengebumian ini dikatakan melibatkan adat dan ritual yang diketuai oleh seseorang yang dikenali sebagai bobohizan oleh masyarakat Kadazandusun pada masa dahulu.

Kata kunci: Tradisi megalitik, fungsi tajau dalam pengebumian, adat dan ritual, bobohizan.

Abstract

Tajau or jar is a very valuable material culture of the former society, especially when the Megalithic culture is practiced. It is used not only as a place for food storage and delivery items in marriage but also in a funeral ceremony. The evidence of the use of tajau in the funeral ceremony during this megalithic culture was found in Kampung Pogunon through a rescue expedition in years 2000, 2007 and 2008 by the Archeology Division, Sabah Museum Department. This belief is said to be practiced by the Kadazandusun tribes in the village where this tajau has been used as a container for storing the dead bodies and freight items. The used of tajau in this burial has been linked to the belief that the tajau is the home and the necessity for the deceased in the next world. The burial ceremony is said to involve customs and rituals led by a person known as bobohizan by the Kadazandusun community in the past.

Keywords: *Megalithic tradition, tajau function in the burial, customs and rituals, bobohizan.*

Pengenalan

Pada zaman dahulu, manusia mempercayai bahawa semua benda yang hidup mempunyai semangat atau penunggu. Salah satunya adalah kepercayaan tentang kehidupan setelah mati. Menurut Koentjaraningrat (1980) kepercayaan manusia terhadap kewujudan roh bermula daripada kepercayaan adanya semangat-semangat tertentu di sekitar tempat tinggal seperti batu besar atau pokok besar. Sehingga ke hari ini, masih terdapat kepercayaan bahawa wujudnya semangat atau penunggu pada benda-benda hidup. Kepercayaan seumpama inilah telah menjadi dasar kepercayaan dalam kebudayaan megalitik (Wiradnyana 2005). Kebudayaan megalitik ditafsirkan sebagai batu besar hasil gabungan perkataan Greek, mega (besar) dan litik (batu). Kajian budaya megalitik di Asia Tenggara sering dikaitkan dengan penyembahan leluhur yang menjurus kepada tujuan tertentu. Pengertian kebudayaan megalitik dapat diperluaskan dan difahami melalui bentuk dan fungsi.


Bukti kewujudan tradisi megalitik telah ditemui sehingga ke kawasan Pasifik (Soejono 1986 & Byung-Mo Kim 2009). Oleh itu, ia seakan satu kebudayaan yang universal kerana boleh diterima dan mudah disesuaikan dengan budaya masyarakat yang sedia ada pada masa tersebut. Sekaligus menjelaskan perkembangan dan penyebaran budaya ini tiada batasannya. Walaupun budaya ini diamalkan sejak manusia belum menganut apa-apa agama, namun hingga ke hari ini, masyarakat yang masih mengamalkan dan masih utuh dengan kepercayaannya boleh dilihat dengan jelas, contohnya di Indonesia. Masyarakatnya kekal mengamalkan budaya tersebut lengkap dengan segala ritual, iaitu syarat bagi melengkapkan kepercayaan tersebut.

Tradisi megalitik dijadikan sebagai perantara kepada nenek moyang mereka kerana mereka percaya nenek moyang mereka dapat memberikan berkat dan restu agar kehidupan mereka menjadi lebih senang (Muhamad Mahfuz 1997). Kajian terhadap megalit menunjukkan wujudnya perkaitan fungsi, cara pengebumian yang mempunyai kaitan dengan upacara-upacara ritual tertentu. Pada masa dahulu, upacara kematian memainkan peranan yang penting sebagai salah satu bentuk ritual keagamaan dalam tradisi megalitik. Kematian seseorang yang berstatus tinggi, akan dikebumikan secara besar-besaran kerana si mati nanti akan disembah sebagai leluhur mereka. Tambahan lagi, orang seperti ini ketika hidupnya sangat disanjung dan dihormati. Tidak hairanlah wujud kuburan yang dijadikan tempat upacara keagamaan kerana dipercayai keramat kerana mampu memberi tuah. Ini kerana masyarakat pada masa lalu percaya bahawa kubur adalah tempat yang paling sesuai untuk berhubung dengan roh nenek moyang mereka dan kematian merupakan transisi manusia berpindah kepada kehidupan lain.

Oleh itu, kajian ini cuba menjelaskan bentuk kepercayaan megalitik yang pernah diamalkan di kawasan kajian, Bagaimana tajau mempunyai kaitan dalam pengebumian dan budaya megalitik, seterusnya bagaimana upacara-upacara ritual dijalankan dan siapakah yang memainkan tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Penggunaan Tajau Untuk Pengebumian Dalam Tradisi Megalitik

Kampung Pogunon (Peta 1) merupakan salah satu kawasan yang terletak di daerah Penampang yang tidak jauh dari pekan Dongongon. Majoriti penduduk yang tinggal di kawasan ini didiami oleh suku kaum Kadazan-Dusun. Di sinilah, megalit telah digunakan sebagai batu kubur. Berdasarkan maklumat daripada Muzium Sabah, kampung ini merupakan kawasan sejarah tapak perkuburan purba dan tinggalan budaya megalitik atau budaya batuan masyarakat setempat suatu ketika dahulu. Megalit yang digunakan untuk perkuburan ini merupakan satu-satunya yang terdapat di daerah Penampang. Tapak perkuburan purba ini ditemui pada bulan Januari tahun 2000 semasa proses pembinaan sebuah bangunan Tadika Kemas, Kampung Pogunon yang telah menemukan tajau atau dikenali juga sebagai tembikar atau tempayan oleh penduduk setempat. Ini adalah bukti kewujudan perkuburan megalitik apabila ditemui tajau yang lengkap dengan penutupnya dan di dalamnya terdapat rangka manusia beserta dengan barang kiriman. Senario ini secara tidak langsung memberikan gambaran tentang fungsi tajau dalam proses pengebumian tradisi megalitik pada suatu masa dahulu. Berdasarkan kepada artifak jumpaan dan tajau yang digunakan, kemungkinan kewujudan pengebumian ini berlaku sekitar abad ke 15 atau mungkin awal dari abad ke 15 hingga akhir abad ke 19.



Peta 1. Kedudukan Kampung Pogunon dalam daerah Penampang, Sabah.

Tajau merupakan salah satu seramik yang diperbuat daripada tanah liat, ia juga dikenali sebagai tembikar. Seramik ini dibawa masuk ke Sabah dari tanah besar Asia Tenggara sebagai barang dagangan dan ditukarkan dengan hasil hutan seperti kayu harum, damar, rotan, rempah, lilin, lebah, sarang burung, gading dan lain-lain lagi. Seramik tertua dijumpai di Sabah mempunyai hubungan dengan pemerintahan China, iaitu Dinasti Song antara tahun 960-1279 (Saruji 2001/2002). Tajau yang dibuat oleh masyarakat Sabah dihiasi dengan ukiran yang berunsurkan kebudayaan tempatan. Namun, sehingga kini ahli sejarah mahupun ahli kaji masyarakat dan kebudayaan tidak sebulat pendapat tentang bilakah sebenarnya tajau mula diperkenalkan kepada masyarakat pribumi Sabah dan bagaimana tajau boleh dianggap suatu benda yang sangat bernilai sekaligus lambang kepada kebudayaan mereka.

Menurut cerita legenda masyarakat Kadazandusun (Low Kok On 2005) yang berasal usul dari Nunuk Ragang, pada suatu malam, seorang lelaki telah pergi memancing di sebatang sungai berdekatan dengan kampung mereka. Malam semakin larut. Lelaki tersebut merasa sangat mengantuk

dan letih lalu berbaring dan terus tertidur. Pada tengah malamnya, dia terkejut dan terjaga oleh suatu suara yang sangat menakutkan sedang mengelilinginya. Dia hanya mendinginkan diri sambil mendengar suara itu dengan teliti. Dia menyedari suara-suara itu datang daripada sekumpulan hantu. Kemudian hantu-hantu itu memeriksa lelaki tersebut dan salah seorang hantu itu berkata “ mungkin lelaki ini telah mati, periksa dia dengan teliti”. Hantu-hantu itu memeriksa tubuh badan dan menyangka mata-mata jaring itu adalah luka dan calar pada badan lelaki itu. Hantu-hantu itu pun berfikir untuk mengebumikan mayat lelaki tersebut di dalam sebuah tajau.

Mereka cuba untuk mendapatkan sebuah tajau untuk memasukkannya ke dalam tajau tersebut. Hantu itu pun pergi mendapatkan sebuah tajau atau ‘kakanan’. Tajau yang pertama adalah tajau yang sangat kecil yang dipanggil ‘Kakanan Panding Wagu’ atau ‘Kakanan Panding Baru’. Akan tetapi tajau ini tidak dapat memuatkan tubuh lelaki tersebut. Oleh itu, hantu tersebut mengambil tajau kedua yang dikenali sebagai ‘Panding Lama’ namun gagal. Tajau ketiga atau ‘Bagaton’ juga tidak berjaya kerana lelaki tersebut mendedapa sedikit kaki dan tangannya. Hantu-hantu itu terkejut lalu pergi mendapatkan tajau yang dipanggil ‘Tagaman besar’. Lelaki itu menggunakan helah yang sama dengan mendedapkan kaki dan tangannya dengan lebih huas. Kemudian, diambil lagi sebuah tajau yang dikenali sebagai ‘Gantong Sorili’. Hantu-hantu itu berusaha untuk memasukkan badan lelaki itu ke dalam tajau namun tidak juga berhasil. Disebabkan, hari semakin siang, niat hantu-hantu itu untuk mendapatkan tajau yang paling besar tidak kesampaian lalu mengambil kata putus meninggalkan lelaki tersebut dan akan datang pada malam esoknya dengan membawa tajau yang paling besar lagi. Apabila hantu-hantu itu sudah hilang daripada pandangan lelaki itu, dia cepat-cepat bangun dan menjerit sekuat-kuatnya dan berlari pulang ke rumahnya. Apabila dia telah sampai di rumahnya hari pun sudah pagi. Dia mengumpul rakan-rakannya dan memberitahu apa yang telah terjadi pada dirinya. Kemudian membawa mereka mengambil tajau-tajau yang telah ditinggalkan oleh hantu itu (Low Kok On 2005).

Cerita ini telah memberikan gambaran bahawa tajau digunakan sebagai medium dalam pengebumian. Seseorang yang meninggal dunia akan dimasukkan ke dalam tajau. Dalam konteks ini, tajau dianggap sebagai tempat tinggal dan pelindung daripada kesejukan. Ini kerana, masyarakat Kadazandusun percaya syurga terletak di atas gunung Kinabalu. Semua roh akan pergi ke puncak tersebut kerana di situlah ada tempat tinggal “Kinorhingan” tuhan bagi masyarakat tradisi Kadazandusun.

Ekskavasi penyelamatan yang dilakukan oleh Bahagian Arkeologi Muzium Sabah pada tahun 2000, 2007 dan 2008 telah membuktikan bahawa tajau yang dijumpai di Pogunon mempunyai kaitan dengan pengebumian dalam tradisi megalitik maka batu megalit yang terdapat di kawasan ini juga didapati berfungsi sebagai penanda kubur. Hasil ekskavasi tersebut telah menemui tiga buah tajau yang masih sempurna dan empat buah tajau yang mempunyai kesan pecahan belahan. Tajau-tajau tersebut mempunyai penutup dan di dalamnya telah ditemui rangka manusia berserta dengan barang kirimannya. Tajau yang ditemui dijangka berusia sekitar abad ke-15 hingga penghujung abad ke-19. Usaha mengenal pasti usia tajau ini telah dilakukan oleh Bahagian Seramik, Muzium Sabah. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa amalan megalitik ini mungkin wujud seawal abad ke 15 hingga penghujung abad ke-19 berdasarkan kepada jumpaan artifak yang disertakan di dalam tajau tersebut.

Cara Pengebumian Dan Peranan Bobolian

Pada masa lalu upacara kematian memainkan peranan yang sangat penting sebagai salah satu bentuk upacara keagamaan dalam tradisi megalitik. Kematian seseorang yang memiliki darjat dan keturunan, berkemungkinan dikuburkan dengan upacara besar-besaran. Mayat itu kemudiannya akan diuruskan oleh seseorang yang dikenali sebagai *bobolian*. *Bobolian* merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menguruskan proses kematian sehinggalah proses pengebumian. *Bobolian* dalam istilah mudah dipanggil sebagai dukun wanita. Suatu ketika dahulu, *bobolian* mendapat tempat yang paling tinggi dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun. Pada kebiasaannya, golongan *bobolian* terdiri daripada kaum wanita (Japanis Galim 2001).

Pemilihan berdasarkan kepada beberapa sebab, wanita mudah menerima pengajaran yang diperturunkan melalui lisan, memainkan peranan penting dalam soal adat dan pantang larang dan

wanita mudah dimasuki oleh roh untuk memberitahu apa yang dikehendaki oleh roh-roh yang dipanggil oleh mereka. Komburongoh merupakan alat yang digunakan oleh *bobolian* untuk berhubung dengan roh-roh jahat. *Bobolian* akan membaca 'renait' atau jampi mantera untuk memohon restu kepada Kinorhingan supaya perjalanan roh si mati selamat. Mayat si mati akan dimandikan dan dipakaikan dengan pakaian yang cantik. Setelah selesai 'renait', barulah mayat tersebut dimasukkan ke dalam tajau. Bagi memudahkan mayat si mati dimasukkan ke dalam tajau, bahagian tengah tajau akan dipotong (Foto 1). Kedudukan si mati di dalam tajau tidak diambil kira, asalkan si mati tersebut boleh masuk ke dalam tajau tersebut. Berlainan keadaan mayat yang dijumpai di Indonesia, keadaan mayat dalam tempayan besar adalah dalam kedudukan berlipat (*flexed position*) (Satyawati Suleiman 1980).



Foto 1. Bahagian tajau yang dipotong bagi memudahkan proses memasukkan mayat

Malah, barang-barang milik si mati juga akan turut disertakan sebagai barang kiriman seperti piring, gelang, tali pinggang, cincin, duit syiling, butang, celapa, rantai, manik, pakaian, batu dan lain-lain (Foto 2 dan Foto 3). Barang-barang ini merupakan barang yang paling disayangi oleh si mati dan barang yang selalu digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Bagi si mati yang meninggalkan anak ramai, barang kiriman yang disertakan akan berkurangan disebabkan sebahagian daripada barangannya akan diberikan kepada anak-anaknya.

Selain itu, pemilihan dan penggunaan tajau juga adalah sangat mudah. Jika si mati berbadan besar, maka besarlah tajau yang digunakan dan begitulah sebaliknya. Sementara, jenis tajau samada berukir atau tidak akan menunjukkan status keluarga si mati (Foto 4 dan Foto 5). Adat menguburkan mayat dalam guci (tajau), seperti yang dilakukan di Sulawesi Selatan hanyalah untuk orang yang terkemuka sahaja (Satyawati Suleiman 1980). Keadaan ini sama dengan yang pernah dilaporkan oleh Schoder pada tahun 1912 mengenai tiga buah tempayan yang terdapat di sebelah barat daya Pulau Salayar yang mengandungi tulang-belulang manusia yang sudah reput, perhiasan manik-manik, batu separuh permata, cincin, gelang, anting-anting dan beberapa daun emas yang dimuatkan dalam satu

tempayan sahaja. Cara ini juga sama dengan di Indonesia (Bintarti 1980). Ini menunjukkan bahawa masyarakat pada masa tersebut telah mempunyai status individu dan masyarakat yang berbeza peringkat. Hasil penelitian kajian ini juga, jelas membuktikan bahawa masyarakat di sini pada zamanya sudah dikira maju dan mempunyai corak pentadbiran yang agak tersusun.



Foto 2. Gelang



Foto 3. Mangkuk Seramik



Foto 4. Jenis tjau yang bercorak



Foto 5. Tjau tanpa ukiran

Mulut tjau akan ditutup dengan menggunakan gong kecil atau penutup khasnya (Foto 6). Di sekeliling penutup tersebut dilekatkan atau dibalut dengan 'sempilut' sejenis sarang lebah kecil bagi

mengelakkan bau busuk mayat meruap keluar (Saruji 2001 & 2002). Tajau tersebut akan dikuburkan setelah dipersetujui oleh ahli keluarga pada masa atau hari yang dipersetujui. Kemudian, pada waktu itulah waris-waris si mati yang jauh datang melihat tajau si mati sebelum dikuburkan. Selepas dimasukkan ke dalam tajau, keluarga yang hadir akan menangi si mati kerana disitulah hari terakhir bagi pertemuan mereka. Tangisan itu sebenarnya bertujuan menunjukkan betapa sedihnya perasaan mereka hendak berpisah dengan orang yang dikasihi. Mereka percaya bahawa tangisan itu didengari oleh roh si mati.



Foto 6. Penutup tajau

Lazimnya, perkara penting dalam sesuatu pengebumian ialah memilih tapak kubur dan mengorek lubang kubur. *Bobolian* adalah orang yang bertanggungjawab menyemadikan si mati. Dalam hal ini, perkara yang diutamakan ialah jika si mati ada meninggalkan pesan kepada ahli keluarga untuk menyemadikannya di sesuatu tempat haruslah ditunaikan, tetapi jika ada mimpi yang menunjukkan bahawa tempat tersebut dihuni oleh roh yang jahat, wasiat tersebut boleh diubah. Kemudian, lubang dikorek mengikut saiz tajau. Sebelum tajau dimasukkan ke dalam lubang, seorang *bobolian* akan berteleku di tepi lubang atau liang untuk melafazkan ayat 'renait' sambil menaburkan beberapa genggam tanah ke dalam lubang tersebut. Ia bertujuan sebagai penghormatan terakhir dan mendoakan agar roh si mati selamat sampai ke dunia yang abadi. Kemudian barulah tajau itu ditimbus dengan tanah.

Kesimpulan

Perkembangan tajau di Sabah telah membawa perubahan dalam aspek kehidupan masyarakat Kadazandusun. Penggunaan tajau tidak terhad kepada satu fungsi sahaja malah tajau digunakan sebagai menyimpan air bersih, bekas makanan yang dijeruk dan membuat minuman keras yang dikenali sebagai tapai. Selain itu, tajau juga digunakan juga sebagai hantaran perkahwinan, sogit, upacara amal, menyimpan ubat-ubatan dan dalam konteks perbincangan ini tajau digunakan juga dalam pengebumian. Kini, pengebumian menggunakan tajau tidak lagi diamalkan. Mereka telah menukar fungsi tajau dengan keranda yang diperbuat daripada kayu atau papan. Terdapat juga penggunaan tajau dalam pengebumian tetapi tidak dimasukkan mayat ke dalamnya. Mereka hanya meletakkan tajau di atas kubur si mati sebagai meneruskan adat dan kepercayaan kematian bahawa tajau sebagai pelindung dan tempat tinggal bagi si mati. Hal ini kerana, pengebumian menggunakan

tajau melambangkan status kepada golongan tersebut. Keluarga si mati akan merasa bangga jika dapat menyediakan si mati dengan sebuah tajau untuk disemadikan bersama-sama dengan si mati. Sebab itulah, tajau menjadi sebuah barang yang sangat bernilai dan berharga khususnya kepada masyarakat Kadazandusun kerana masyarakatnya menyanjung dan memandang tinggi kepada ahli keluarga yang mempunyai tajau. Amalan ini juga tanda kasih sayang kepada si mati. Penggunaan batu megalitik pula dilihat sebagai tanda batu nisan si mati jika dilihat dalam konteks sekarang supaya memudahkan keluarga si mati untuk datang menziarahi pusara si mati. Namun begitu, budaya dan amalan ini hampir dilupakan dan mungkin generasi sekarang tidak mengetahui akan kewujudan budaya ini suatu ketika dahulu disebabkan oleh penyerapan nilai-nilai agama yang mereka anuti sekarang. Oleh itu, perbincangan ini telah membongkar tentang budaya dan adat kepercayaan masyarakat Kadazandusun suatu ketika dahulu yang pernah mengamalkan pengebumian dalam tajau sekaligus mendedahkan tentang kebudayaan megalitik yang pernah bertapak kukuh dalam masyarakat Kadazandusun.

Penghargaan

Terima kasih kepada Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia dan geran Projek Arkeologi Sabah Barat. Terima kasih yang tidak terhingga kepada bekas penyelia saya Allahyarham Dr Mohd Jeffrey Abdullah yang memberi kepercayaan dan tunjuk ajar kepada saya. Tidak lupa juga jasa dan sumbangan semua staf Bahagian Arkeologi, Muzium Sabah, staf bahagian Pameran Komuniti Muzium Sabah, Kampung Pogunon, Penampang dan staf Bahagian Seramik, Muzium Sabah yang banyak membantu dalam menjayakan kajian ini. Kerjasama yang diberikan oleh penduduk kampung amatlah saya hargai. Akhir sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Rujukan

- Byung – Mo Kim. 2009. *Dolmen and Early Rice Cultivation in Korea*. The Indo – Pacific Prehistory Association (IPPA). Vietnam Academy of Social Sciences Conference Hanoi, Vietnam.
- Bintarti, D.D. 1980. Mencari Peninggalan Nenek Moyang, pendukung Tradisi Megalitik di Tanah Bada (Sulteng). *Kalpataru: Majalah Arkeologi Indonesia* 64.
- Japanis Galim. 2001. *Sistem Perubatan Tradisional di Kalangan Masyarakat Kadazandusun: Tumpuan Kepada Bobolian*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Ketut Wiradnyana & Nani Somba. 2005. Fungsi dan Makna dalam Tradisi Megalitik di sebahagian Wilayah Indonesia, DALAM Karakteristik Situs dan Pemaknaan Tradisi Realitas Budaya Toraja Historis Situs dan Studi Etnoarkeologi. *Journal Arkeologi Sulawesi Selatan & Tenggara* VIII (12): 39.
- Koentjaraningrat. 1980. *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*. Jakarta: Djambatan.
- Low Kok On. 2005. *Membaca Mitos dan Lagenda Kadazandusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Supian Sabtu. 2006. Survei Megalitik di Melaka: Tumpuan Terhadap Bentuk Dan Susunan pada Tapak Terpilih di Taboh Naning dan Alor Gajah. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 19: 90-93.
- Muhammad Mahfuz Nordin. 1997. Megalitik (Batu Hidup) dan Kaitannya dengan Masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan dan Melaka: Sudut Etno – Arkeologi. *Journal Arkeologi Malaysia* 10: 24-94.
- Paulus Dosa. 1992. *Amalan Memburu Kepala Manusia Pada Zaman Tradisional - Satu Kajian Khusus di Kampung Lokos, Tuaran Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Peter, R. Phelan. 1997. *Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo, Yayasan Sabah.
- Saruji Saidi. 2001/2002. *Bagaton dalam Adat Kematian Kadazandusun Tradisi di Daerah Tambunan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Satyawati Suleiman. 1980. *A Few Observations on the Use of Ceramics in Indonesia*. Jakarta: Pusat Penelitian Purbakala dan Peninggalan Nasional.
- Soejono, R. P. 1986. Indonesia di Asia Tenggara : Masalah dan Anggapan dalam Prasejarah, dalam *Pertemuan Ilmiah Arkeologi* IV: 238 Jakarta: Departemen Pendidikan.

Temuramah

Kilon Mojinon. 80 tahun. 16.2.2009. Kampung Pogunon, Penampang

Ratnah Wati Mohd Rapi
Calon Doktor Falsafah
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global,
Universiti Sains Malaysia
Email: ratnah1986@gmail.com

Peter Molijol
Bahagian Arkeologi,
Muzium Sabah
Email: peter.molijol@sabah.gov.my